

---

**Research article**

**EVALUATION ON THE IMPLEMENTATION OF BACHELOR OF  
EDUCATION PROGRAM, FACULTY OF SPORT SCIENCE AND COACHING**

Julismah binti Jani<sup>1</sup>, Abdul Rahim bin Mohd Shariff<sup>1</sup>, Norkhalid bin Salimin<sup>1</sup>, Mohd Izwan bin Shahril<sup>1</sup>, Nelfianty binti Mohd Rasyid<sup>1</sup>, Normah binti Jusoh<sup>1</sup>, Jeffrey Low Fook Lee<sup>1</sup>, Gunathevan a/l Elumalai<sup>1</sup>, Nur Ikhwan bin Mohamad<sup>1</sup> & Mohd Sani bin Madon<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

**ABSTRACT**

*Journal of Sports Science and Physical Education* 5(1): 77-94, 2016 - This study aimed to examine the effectiveness of the Bachelor of Education (Honours) programmes offered by the Faculty of Sports Science and Coaching in producing quality graduates and their employability in the profession. Samples for this study comprised of 49 graduates from the B Ed (Sports Science), 25 graduates from B Ed (Coaching Science) and nine B Ed (Physical Education) who have graduated from 2010 to 2014 as well as their respective employers and peers were selected as respondents. Six to ten samples from each programme together with their employers were interviewed further using guided questionnaire. Data was analysed descriptively as well as correlation and regression methods. The findings showed that the graduates mastered very high levels of the knowledge and skills of the courses related to their respective programmes. They also achieved excellent levels of knowledge and skills in the implementation of their respective programmes during and after their completion of studies. The graduates received very high scores from their employers and peers in terms of their attributes and employability. Overall, analyses on the effectiveness of the faculty's education programmes showed a positive and significant correlation between the mastery (input) and the implementation (process) of the programmes. However, a moderately positive but not significant correlation was found between the mastery (input) of the courses and the graduates (product). Similar results were found between the implementation of the programmes (process) and the graduates except for the BEd.(Sports Science) which showed a moderate positive and significant correlation. Only 23% predicted mastery of the course (input) and the implementation of the programme influenced the product (graduates) towards the effective implementation of the BEd (Sports Science), compared to 20% for BEd (Coaching Science) and 98% for BEd (Physical Education). This study concluded that Bachelor of Education (Honours) programmes offered by the Faculty of Sports Science and Coaching are capable of producing quality and employable graduates. The faculty has developed its strategic plan in improving the employability of the graduates by streamlining the offering of the BEd (Coaching Science) programme, reinforce the undergraduates soft skills attributes, intensify the activities of the *Kinesiology Centre of Excellence* and advocate

entrepreneurship education in order to produce graduates who are innovative and capable in the education profession.

Keywords: Program evaluation, sports science, physical education, employability,

## **PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN, FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN**

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan kebolehpasaran dalam bidang kerjaya. Sampel graduan adalah seramai 49 orang dari program ISMP (Sains Sukan), 25 orang dari ISMP (Sains Kejurulatihan) dan 9 orang ISMP (Pendidikan Jasmani) yang telah bergraduat dari tahun 2010 hingga 2014. Sampel majikan dan rakan sekerja graduan yang dikaji turut terpilih sebagai responden kajian ini. Manakala sampel temubual daripada graduan dan majikan adalah seramai 6 hingga 10 orang dari setiap program pengajian. Instrumen kajian berupa soal selidik dan borang protokol temubual yang mengandungi beberapa siri soalan berbimbing. Data dianalisis secara deskriptif, korelasi dan regresi. Hasil kajian ini mendapati bahawa penguasaan graduan dalam pengetahuan dan kemahiran terhadap kursus program pengajian yang mereka ikuti adalah pada tahap sangat baik bagi ketiga-tiga program ISMP dengan Kepujian di FSSK. Begitu juga, didapati graduan mencapai tahap sangat baik dalam pelaksanaan program dari aspek pengetahuan dan kemahiran semasa dan selepas pengajian. Aspek atribut dan potensi kebolehpasaran graduan dinilai pada tahap sangat baik oleh majikan dan rakan sekerja. Pada keseluruhannya keberkesanan pelaksanaan program tersebut mempunyai hubungan positif yang kuat dan signifikan di antara penguasaan kursus (input) dengan pelaksanaan program pengajian (proses) terhadap graduan di FSSK. Namun didapati hubungan di antara penguasaan kursus (input) dengan hasil graduan (produk) adalah positif sederhana tetapi tidak signifikan. Begitu juga hubungan di antara pelaksanaan program pengajian (proses) dengan hasil graduan adalah sederhana positif tetapi tidak signifikan kecuali bagi program ISMP (Sains Sukan) adalah positif sederhana dan signifikan. Hanya 23% diramalkan bahawa faktor penguasaan kursus (input) dan proses pelaksanaan program mempengaruhi hasil graduan terhadap keberkesanan pelaksanaan program ISMP (Sains Sukan) dengan Kepujian. Bagi program ISMP (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian, keberkesanan pelaksanaan program diramalkan 20% dipengaruhi oleh faktor penguasaan kursus (input) dan proses pelaksanaan program terhadap hasil graduan. Manakala keberkesanan pelaksanaan program ISMP (Pendidikan Jasmani) dengan Kepujian diramalkan 98% dipengaruhi oleh faktor penguasaan kursus (input) dan proses pelaksanaan program terhadap hasil graduan. Adalah disimpulkan bahawa program ISMP dengan Kepujian di FSSK dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan kebolehpasaran dalam bidang kerjaya. FSSK telah membina pelan tindakan bagi penambahbaikan untuk kebolehpasaran graduan dengan menyusun strategi antaranya mengkaji semula penawaran program ISMP (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian. Sehubungan itu, FSSK telah memperkukuhkan atribut pelajar dengan Kemahiran Insaniah, mempergiatkan aktiviti *Kinesiology Centre of Excellence* dan memupuk pendidikan keusahawanan untuk melahirkan graduan yang inovatif dan berkebolehan dalam bidang kerjaya.

**Kata Kunci:** Penilaian program, Sains Sukan, Pendidikan Jasmani, kebolehpasaran, graduan

## **Pengenalan**

Sistem pendidikan yang dinamik memerlukan kajian semula dan usaha penambahbaikan berterusan supaya menepati keperluan negara dan tuntutan globalisasi. Pada tahun 2009, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan Bidang Keberhasilan Utama Negara yang merupakan sebahagian daripada proses transformasi pembaharuan pendidikan. Beliau menjadikan pemeluasan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), dengan hasrat untuk melahirkan modal insan yang berdaya maju dan mampu memacu ekonomi berpendapatan tinggi. Pengenalan NKRA pendidikan merupakan sebahagian daripada proses transformasi dan pembaharuan dalam sistem pendidikan Malaysia bertujuan melonjakkan lagi kecemerlangan pendidikan di negara ini.

Sehubungan itu, selaras dengan perkembangan pesat pendidikan, permintaan yang tinggi daripada masyarakat telah melihat pendidikan sebagai wadah utama untuk mobiliti sosial dan kesamatarafan sosial yang dipermudahkan oleh pendemokrasian pendidikan untuk kemakmuran rakyat (KPM, 2014). Tugas institut pengajian tinggi adalah untuk memastikan pendidikan dan latihan yang diberi kepada graduan perlu mengikut kehendak pasaran dan bersifat responsif kepada keperluan sektor pasaran ekonomi Negara. Kebolehpasaran graduan yang dihasilkan perlu memiliki kompetensi dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai modal insan sebagai penanda aras (benchmark) kualiti graduan.

Graduan berkualiti adalah sinonim dengan graduan yang menjadi pilihan majikan untuk menawarkan pekerjaan. Persaingan pekerjaan dalam kalangan graduan menyebabkan institut pengajian tinggi perlu lebih dinamik dalam merancang program yang dapat menghasilkan graduan berkualiti. Justeru itu, sesebuah institut pengajian tinggi seharusnya memainkan peranan utama dalam memperkasakan modal insan atau graduan yang berkualiti bagi mendokong dan menjayakan aspirasi Negara. Lima teras aspirasi Negara adalah a) meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai lebih tinggi; b) meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama; c) menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif; d) meningkatkan tahap dan kelestarian kualiti hidup; dan e) mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaannya (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007).

Bersesuaian dengan aspirasi tersebut, suatu sistem pembangunan pendidikan yang komprehensif dan efektif di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) khususnya di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) perlu diperkasakan dan dinilai untuk penambahbaikan. Sistem pembangunan pendidikan yang meliputi reka bentuk kurikulum program perlu mantap bagi mencapai keseragaman dan kelestarian akademik. Penambahbaikan sistem tersebut adalah penting bagi meningkatkan kualiti kurikulum program akademik di FSSK-UPSI dan menentukan sejauh mana keberkesanan keberhasilan kurikulum program akademik yang diamalkan oleh pelajar selaras dengan keperluan kurikulum Pendidikan Berasaskan Hasil serta penerapan elemen Kemahiran Insaniah.

Kualiti kurikulum program akademik di UPSI adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang kompetitif, kompeten dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. UPSI adalah universiti yang berteraskan pendidikan yang bukan hanya dalam bidang perguruan tetapi termasuk bidang-bidang keilmuan yang berkaitan dengan industri pendidikan. Sebagai sebuah universiti yang menerajui kepimpinan pendidikan, wawasan UPSI adalah untuk

menghasilkan graduan yang bitara dan cemerlang dalam kepemimpinan pendidikan (Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012).

Sehubungan itu, UPSI perlu melahirkan graduan yang memiliki minda kelas pertama iaitu mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi unggul untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi negara yang berdaya saing di peringkat global. Keperluan tersebut adalah berdasarkan misi Nasional dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (Blue print PPPM-PT, 2015-2025). Pelan Pembangunan tersebut melalui lonjakan pertama ialah memfokus kepada graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Matlamat PPPM-PT ialah setiap graduan perlu mempunyai ilmu, akhlak, tingkah laku, set minda dan adab untuk menjadi insan mulia. Mereka bakal menjadi warga sejagat dengan jati diri Malaysia yang menyerlah, bersedia dan sanggup untuk berkorban demi keharmonian dan kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara. Graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang yang dinyatakan di atas adalah kesinambungan daripada sistem pendidikan asas untuk melahirkan warga Malaysia yang berjiwa mulia.

FSSK-UPSI telah menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dengan Kepujian sejak tahun 1998. Penawaran bermula dengan program ISMP (Sains Sukan) dengan Kepujian pada tahun 1998, ISMP (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian pada 2006 dan ISMP (Pendidikan Jasmani) dengan Kepujian pada 2009. Kesemua program tersebut telah menghasilkan graduan dari tahun 2000 bagi program ISMP (Sains Sukan), 2010 bagi program ISMP (Sains Kejurulatihan) dan 2013 bagi program ISMP (Pendidikan Jasmani) dalam bidang profesional perguruan dan sebilangan besar graduan telah berkhidmat di institusi pendidikan.

Sejak dari tahun 2000, kurikulum program ISMP telah digubal berlandaskan garis panduan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Framework). Sehubungan itu, kajian keberkesanan tentang pelaksanaan kurikulum program ISMP dengan Kepujian di FSSK, UPSI belum dijalankan. FSSK juga tiada mempunyai data maklumat yang rasmi dan sah tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta penilaian program ISMP dengan Kepujian dalam melahirkan graduan FSSK, UPSI yang berkualiti dan berdaya saing.

Justeru itu, bagi mengenal pasti kebitaraan graduan UPSI, suatu penyelidikan tentang penilaian pelaksanaan kurikulum UPSI, khususnya dalam program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan perlu dijalankan. Penyelidikan tersebut bertujuan mengenal pasti keberkesanan kurikulum ISMP dengan Kepujian yang telah ditatarkan untuk melahirkan graduan UPSI yang berkualiti dan berdaya saing supaya dapat diimplementasikan atau dipraktikan di tempat mereka bekerja.

## **Objektif Kajian**

- a. Mengetahui mengenai pelaksanaan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta penilaian terbaik dalam melahirkan graduan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan yang berkualiti dari perspektif graduan, majikan dan rakan sekerja.

- b. Mengkaji keberkesanan pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan untuk melahirkan graduan yang inovatif dan berkebolehan dalam bidang kerjaya;
- c. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dalam kalangan graduan;
- d. Mencadangkan pelan tindakan bagi penambahbaikan untuk kebolehpasaran graduan dan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan yang ditawarkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

### **Metodologi**

Reka bentuk kajian berupa diskriptif berdasarkan kaedah survei yang mengandungi skala Likert dan soalan terbuka. Kaedah temu bual soalan berbimbing juga digunakan dalam reka bentuk tersebut. Kajian deskriptif ini melibatkan proses melapor secara peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Statistik inferensi nilai  $r$  turut digunakan bagi melihat tahap perbandingan dan korelasi yang mengkaji keberkesanan kepada penentuan sejauh mana tahap keertian perbandingan dan perkaitan di antara pembolehubah-pembolehubah kajian.

Kajian ini melibatkan tiga jenis persampelan a) sampel graduan dari program ISMP (Sains Sukan) dengan Kepujian, ISMP (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian dan ISMP (Pendidikan Jasmani) dengan Kepujian di FSSK, UPSI yang telah bergraduasi dari tahun 2010 hingga 2014, b) sampel majikan dari graduan yang terpilih sebagai responden kajian, dan c) sampel rakan sekerja dari graduan yang terpilih sebagai responden dari kajian ini. Pemilihan sampel bagi graduan, majikan dan rakan sekerja graduan adalah secara rawak mudah. Lokasi kajian adalah di sekolah menengah berdasarkan zon (Barat, timur, Utara, Selatan dan Timur Semenanjung) melalui kaedah pos bersurat.

Instrumen kajian berupa soal selidik yang mengandungi beberapa item soalan mengikut komponen dan bahagian berdasarkan jenis persampelan. Manakala instrumen temu bual berupa borang protokol yang mengandungi beberapa siri soalan berbimbing. Kesemua instrument telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan pada tahap tinggi ( $\alpha=0.83$ ).


### **Keputusan Kajian**

Rajah 1 dan Rajah 2 adalah analisis data untuk mengenal pasti pelaksanaan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta penilaian terbaik dalam melahirkan graduan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan yang berkualiti dari perspektif graduan, majikan dan rakan sekerja. Data tersebut menunjukkan sejauh mana pelaksanaan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta penilaian dapat melahirkan graduan yang berkualiti dari aspek tahap bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Merujuk kepada Rajah 1, penguasaan graduan terhadap kursus dari aspek pengetahuan dan kemahiran adalah pada tahap baik bagi program ISMP (Sains Sukan). Bagi program ISMP (Sains Kejurulatihan dan Pendidikan Jasmani), penguasaan graduan terhadap kursus dari aspek pengetahuan dan kemahiran adalah pada tahap sangat baik. Hasil analisis data juga menunjukkan bahawa penguasaan graduan dalam pelaksanaan program semasa dan selepas

pengajian dari aspek pengetahuan dan kemahiran bagi ketiga-tiga program ISMP adalah sangat baik (Min antara 4.04 hingga 4.70).

Rajah 1. Tahap penguasaan graduan dalam kursus dan pelaksanaan program




Mengenal pasti pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dari perspektif graduan

Manakala penilaian majikan ke atas graduan program ISMP (Sains Sukan, Sains Kejurulatihan dan pendidikan Jasmani) dengan Kepujian pada Rajah 2 menunjukkan bahawa atribut graduan adalah sangat baik dari aspek komunikasi dan interpersonal, membuat keputusan dan penyelesaian masalah, penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, perancangan kerja, kemahiran berfikir, etika dan nilai. Majikan turut menilai graduan FSSK-UPSI pada skala Min=4.35 hingga Min=4.54.

Kebolehpasaran graduan turut dinilai pada tahap sangat baik dari aspek potensi sebagai pemimpin, potensi terhadap motivasi diri, potensi dalam teknologi maklumat dan komunikasi, dan potensi graduan FSSK-UPSI pada masa hadapan (Min=4.33 hingga Min=4.60).

Penilaian rakan sekerja ke atas graduan juga menunjukkan bahawa atribut graduan adalah sangat baik dari aspek komunikasi dan interpersonal, membuat keputusan dan penyelesaian masalah, penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, perancangan kerja, kemahiran berfikir, etika dan nilai. Rakan sekerja turut menilai graduan FSSK-UPSI pada skala Min=4.30 hingga Min=4.55.

Rajah 2. Tahap penilaian majikan dan rakan sekerja terhadap graduan



Mengenal pasti pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dari perspektif majikan dan rakan sekerja

Kebolehpasaran graduan turut dinilai pada tahap sangat baik dari aspek potensi sebagai pemimpin, potensi terhadap motivasi diri, potensi dalam teknologi maklumat dan komunikasi, dan potensi graduan FSSK UPSI pada masa hadapan (Min=4.15, Min=4.54).

Adalah dirumuskan bahawa hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa penguasaan graduan dalam pengetahuan dan kemahiran serta pelaksanaan kurikulum program pengajian ISMP dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan berpotensi untuk mendapatkan pekerjaan dalam bidang perguruan.

Seterusnya adalah laporan analisis data bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan untuk melahirkan graduan yang inovatif dan berkebolehan dalam bidang kerjaya. Data pada Jadual 1 menunjukkan hubungan di antara pembolehubah kajian dari aspek penguasaan (input), pelaksanaan (proses) dan produk terhadap graduan dari perspektif majikan dan rakan sekerja.

Statistik inferensi pada Jadual 1 menunjukkan bahawa pada keseluruhannya terdapat hubungan yang positif kuat dan signifikan di antara penguasaan kursus (input) dengan penguasaan pelaksanaan (proses) bagi ketiga-tiga program pengajian terhadap graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di FSSK-UPSI. Secara terperinci, dari segi *input* kajian, didapati wujudnya hubungan positif yang sangat kuat dan signifikan di antara penguasaan pengetahuan dengan kemahiran kursus program bagi graduan di ISMP Sains Sukan ( $r= .860^{**}$ ,  $p=.000$ ), ISMP Sains Kejurulatihan ( $r= .847^{**}$ ,  $p=.000$ ), dan ISMP Pendidikan Jasmani ( $r= .801^{**}$ ,  $p=.009$ ).



Jadual 1. Nilai korelasi di antara penguasaan kursus dengan pelaksanaan program pengajian graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan

Pembolehubah Kajian	ISMP (SS) n=49	ISMP (SK) n=25	ISMP (PJ) n=9
Hubungan di antara penguasaan pengetahuan dengan kemahiran kursus program	r= .860** p=.000	r= .847** p=.000	r= .801** p=.009
Hubungan di antara penguasaan pengetahuan dengan pelaksanaan pengetahuan	r= .616** p=.000	r= .319 p=.120	r= .538 p=.135
Hubungan di antara penguasaan kemahiran dengan pelaksanaan kemahiran	r= .464** p=.000	r= .339 p=.098	r= .547 p=.127
Hubungan di antara pelaksanaan pengetahuan dengan kemahiran program pengajian	r= .695** p=.000	r= .778** p=.000	r= .880** p=.002
Hubungan di antara pelaksanaan pengetahuan semasa dengan selepas program pengajian	r= .783** p=.000	r= .626** p=.001	r= .586 p=.097
Hubungan di antara pelaksanaan kemahiran semasa dengan selepas program pengajian	r= .687** p=.000	r= .791** p=.000	r= .940** p=.000
Hubungan di antara penguasaan kursus dengan pelaksanaan program pengajian	r= .593** p=.000	r= .369 p=.070	r= .539 p=.134

\* Korelasi adalah signifikan pada aras 0.05

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras 0.001

Terdapat juga hubungan positif yang sangat kuat dan signifikan ( $r= .695^{**}$ ,  $p=.000$ ;  $r= .778^{**}$ ,  $p=.000$   $r= .880^{**}$ ,  $p=.002$ ) di antara pelaksanaan pengetahuan (proses) dengan kemahiran program pengajian bagi ISMP (Sains Sukan, Sains Kejurulatihan dan Pendidikan Jasmani). Dalam kalangan proses kajian, hubungan yang paling ketara kuat dan signifikan adalah di antara pelaksanaan kemahiran semasa dengan aplikasi kemahiran selepas berbanding pelaksanaan pengetahuan semasa dan selepas pada program pengajian.

Seterusnya, wujud hubungan yang positif kuat dan signifikan ( $r= .593^{**}$ ,  $p=.000$ ) bagi program ISMP (Sains Sukan), positif sederhana tetapi tidak signifikan ( $r= .369$ ,  $p=.070$ ) bagi program ISMP (Sains Kejurulatihan) dan positif kuat tetapi tidak signifikan ( $r= .539$ ,  $p=.134$ ) bagi program ISMP (Pendidikan Jasmani) di antara penguasaan kursus dengan pelaksanaan program pengajian.

Analisis seterusnya ialah korelasi di antara penguasaan kursus dan pelaksanaan program dengan produk graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dari perspektif majikan (Jadual 2). Program ISMP (Sains Sukan) mencatat nilai korelasi yang positif kuat dan signifikan ( $r= .689^{**}$ ,  $p=.000$ ) manakala ISMP (Sains Kejurulatihan) mencatat nilai korelasi yang positif sangat kuat dan signifikan ( $r= .782^{**}$ ,  $p=.000$ ) di antara atribut graduan dengan kebolehpasaran graduan. Program ISMP

(Pendidikan Jasmani) mencatat nilai korelasi yang positif sederhana dan tidak signifikan ( $r = .383$ ,  $p = .308$ ) di antara atribut graduan dengan kebolehpasaran graduan.

Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya hubungan di antara penguasaan kursus (input) dengan hasil graduan (produk) adalah positif sederhana dan tidak signifikan. Begitu juga hubungan di antara pelaksanaan program pengajian (proses) dengan hasil graduan adalah positif sederhana dan tidak signifikan kecuali bagi program ISMP (Sains Sukan) adalah positif sederhana dan signifikan ( $r = .342$ ,  $p = .016$ ).

Jadual 2. Nilai korelasi di antara penguasaan kursus dan pelaksanaan program dengan produk graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dari perspektif majikan

Pembolehubah Kajian	ISMP (SS) n=49	ISMP (SK) n=25	ISMP (PJ) n=9
Hubungan di antara atribut graduan dengan kebolehpasaran graduan	$r = .689^{**}$ $p = .000$	$r = .782^{**}$ $p = .000$	$r = .383$ $p = .308$
Hubungan di antara penguasaan kursus dengan atribut graduan	$r = .277$ $p = .054$	$r = .042$ $p = .844$	$r = .161$ $p = .678$
Hubungan di antara penguasaan kursus dengan kebolehpasaran graduan	$r = .184$ $p = .205$	$r = .080$ $p = .705$	$r = .230$ $p = .551$
Hubungan di antara penguasaan kursus dengan hasil graduan	$r = .248$ $p = .085$	$r = .109$ $p = .604$	$r = .013$ $p = .973$
Hubungan di antara pelaksanaan program pengajian dengan atribut graduan	$r = .308^*$ $p = .031$	$r = .109$ $p = .604$	$r = .453$ $p = .221$
Hubungan di antara pelaksanaan program pengajian dengan kebolehpasaran graduan	$r = .319^*$ $p = .025$	$r = .028$ $p = .895$	$r = .216$ $p = .577$
Hubungan di antara pelaksanaan program pengajian dengan hasil graduan	$r = .342^*$ $p = .016$	$r = .090$ $p = .670$	$r = .316$ $p = .408$

\* Korelasi adalah signifikan pada aras 0.05

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras 0.001

Jadual 3 pula adalah nilai korelasi di antara penguasaan kursus dan pelaksanaan program dengan produk graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dari perspektif rakan sekerja. Hasil kajian mendapati program ISMP (Sains Sukan) dan ISMP (Sains Kejurulatihan) mencatat nilai korelasi yang positif sangat kuat dan signifikan ( $r = .866^{**}$ ,  $p = .000$ ;  $r = .839^{**}$ ,  $p = .000$ ) di antara atribut graduan dengan kebolehpasaran graduan. Manakala bagi program ISMP (Pendidikan Jasmani) mencatat nilai korelasi yang positif sederhana tetapi tidak signifikan ( $r = .588$ ,  $p = .096$ ) di antara atribut graduan dengan kebolehpasaran graduan.

Hasil kajian mendapati hubungan di antara penguasaan kursus (input) dengan hasil graduan (produk) bagi ketiga-tiga program ISMP adalah positif lemah dan tidak signifikan. Begitu juga hubungan di antara pelaksanaan program pengajian (proses) dengan hasil graduan adalah positif lemah dan tidak signifikan ( $r = .278$ ,  $p = .053$ ) bagi program ISMP

(Sains Sukan), positif kuat dan signifikan ( $r = .427^*$ ,  $p = .023$ ) bagi ISMP (Sains Kejurulatihan) dan tiada hubungan serta tidak signifikan ( $r = .006$ ,  $p = .987$ ) bagi ISMP (Pendidikan Jasmani).

Jadual 3. Nilai korelasi di antara penguasaan kursus dan pelaksanaan program dengan produk graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dari perspektif rakan sekerja

Pembolehubah Kajian	ISMP (SS) n=49	ISMP (SK) n=25	ISMP (PJ) n=9
Hubungan di antara atribut graduan dengan kebolehpasaran graduan	$r = .866^{**}$ $p = .000$	$r = .839^{**}$ $p = .000$	$r = .588$ $p = .096$
Hubungan di antara penguasaan kursus dengan atribut graduan	$r = .219$ $p = .130$	$r = .292$ $p = .165$	$r = .121$ $p = .756$
Hubungan di antara penguasaan kursus dengan kebolehpasaran graduan	$r = .186$ $p = .202$	$r = .262$ $p = .205$	$r = .452$ $p = .222$
Hubungan di antara penguasaan kursus dengan hasil graduan	$r = .266$ $p = .065$	$r = .394$ $p = .052$	$r = .170$ $p = .661$
Hubungan di antara pelaksanaan program pengajian dengan atribut graduan	$r = .272$ $p = .059$	$r = .426^*$ $p = .034$	$r = .218$ $p = .573$
Hubungan di antara pelaksanaan program pengajian dengan kebolehpasaran graduan	$r = .210$ $p = .147$	$r = .289$ $p = .161$	$r = .227$ $p = .556$
Hubungan di antara pelaksanaan program pengajian dengan hasil graduan	$r = .278$ $p = .053$	$r = .427^*$ $p = .033$	$r = .006$ $p = .987$

\* Korelasi adalah signifikan pada aras 0.05

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras 0.001

Laporan berikut adalah analisis regresi bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan.

Jadual 4. Nilai regresi bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan

Pengaruh penguasaan kursus dan pelaksanaan program terhadap produk graduan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Sukan) dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan.

*Adjusted R Square* = .230

F = 3.390

Sig. = .008

df = 48

Faktor Pengaruh	Beta	t	Sig.
Pelaksanaan Pengetahuan	.670	2.659	.011
Penguasaan Pengetahuan	.297	1.120	.269

Pengaruh penguasaan kursus dan pelaksanaan program terhadap produk graduan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan.  
*Adjusted R Square* = .205  
 F=2.033  
 Sig. =.114  
 df = 24

Faktor Pengaruh	Beta	t	Sig
Penguasaan Kemahiran	.774	2.222	.039
Pelaksanaan Kemahiran	.376	.677	.507

Pengaruh penguasaan kursus dan pelaksanaan program terhadap produk graduan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan.  
*Adjusted R Square* = .985  
 F=90.085  
 Sig. =.011  
 df = 8

Faktor Pengaruh	Beta	t	Sig
Pelaksanaan Kemahiran	2.613	12.423	.006
Penguasaan Pengetahuan	1.274	13.697	.005

Hasil kajian pada Jadual 4 mendapati hanya 23% ( $R^2$ Terselaras=.230) pengaruh penguasaan kursus (input) dan pelaksanaan program (proses) terhadap produk graduan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Sukan) dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan. Walaubagaimanapun, pengaruhnya adalah signifikan ( $p=.008$ ) dan faktor pelaksanaan (proses) pengetahuan adalah pengaruh utama ( $\beta=.670$ ,  $t=2.659$ ,  $p=.011$ ) diikuti dengan penguasaan (input) pengetahuan ( $\beta=.297$ ,  $t=1.120$ ,  $p=.269$ ).

Bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian pula, hasil kajian mendapati hanya 20% ( $R^2$ Terselaras=.205) pengaruh penguasaan kursus (input) dan pelaksanaan program (proses) terhadap produk graduan dan adalah tidak signifikan. Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan program ialah penguasaan kemahiran (faktor input) ( $\beta=.774$ ,  $t=2.222$ ,  $p=.039$ ) diikuti dengan pelaksanaan (proses) kemahiran ( $\beta=.376$ ,  $t=.677$ ,  $p=.507$ ).

Pengkaji turut mendapati pengaruh penguasaan kursus dan pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) dengan Kepujian terhadap produk graduan program tersebut adalah 98% ( $R^2$ Terselaras=.985,  $F=90.085$ ,  $p=.011$ ) dan pengaruhnya adalah signifikan. Faktor pelaksanaan (proses) kemahiran adalah pengaruh utama ( $\beta=2.613$ ,

$t=12.423$ ,  $p=.006$ ) diikuti dengan penguasaan (input) pengetahuan ( $\beta=1.274$ ,  $t=13.697$ ,  $p=.005$ ).

Kajian ini turut mengambil data temu bual untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan serta penambahbaikan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Keujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan untuk kebolehpasaran graduan. Sampel yang ditemu bual adalah graduan bagi ketiga-tiga program. Manakala sampel bagi data majikan antaranya terdiri dari Pengetua, Penolong Kanan Akademik – GPK1, Guru Penolong Kanan KoKurikulum, Panitia PJK dan Penolong Kanan Petang.

Instrumen temu bual berupa borang protokol yang mengandungi beberapa siri soalan berbimbing berdasarkan kriteria kajian. Jadual 5 mengandungi data temubual rumusan pernyataan graduan dan majikan terhadap pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan keujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan.

Jadual 5. Rumusan pernyataan graduan dan majikan terhadap pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan

Program	Graduan	Majikan
ISMP (Sains Sukan) n=6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu untuk merancang dan mengurus aktiviti kurikulum sekolah.</li> <li>• Membantu untuk menghadapi dunia pekerjaan sebagai pendidik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Atribut (komunikasi dan interpersonal) graduan FSSK a sangat baik dengan pihak atasan, rakan guru dan pelajar.</li> <li>• Potensi graduan FSSK pada masa hadapan adalah baik.</li> </ul>
ISMP (Sains Kejurulatihan) n=7, n=9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus sesuai dengan bidang pengajian mereka.</li> <li>• Membantu menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan murid di sekolah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mahir dalam subjek yang perlu diajar di sekolah.</li> <li>• Berkebolehan mempamerkan potensi menjadi pemimpin dan motivator sebagai pendidik yang berkualiti dan berdaya saing.</li> </ul>
ISMP (Pendidikan Jasmani) n=10	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu untuk menilai dan mentaksir pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.</li> <li>• Kurikulum program dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mampu berkomunikasi dengan baik.</li> <li>• Mudah mesra, menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan baik.</li> <li>• Hasil pembelajaran program membantu graduan untuk menjadi pendidik yang berkembang maju, berkualiti dan berdaya saing.</li> </ul>

### Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian ini, adalah dirumuskan bahawa disepanjang empat tahun pengajian, para graduan FSSK-UPSI telah berjaya menguasai, mempelajari dan mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran kursus yang bersesuaian dengan program pengajian mereka. Beberapa kajian terdahulu mendapati bahawa sesuatu kurikulum yang dibina seharusnya dapat menyediakan pengetahuan dan kemahiran untuk memberi peluang kepada individu memperkembangkan bakat, minat dan keinginan untuk pembelajaran sepanjang hayat serta memenuhi kehendak pekerjaan masa kini (Ishak, Rahmah dan Robiah, 2008, Primrose & Alexander, 2013).

Kejayaan tersebut adalah selaras dengan pernyataan objektif program pengajian secara umumnya bagi program ISMP dengan Kejujian iaitu untuk menghasilkan graduan yang mampu menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Sains Sukan, Sains Kejurulatihan dan Pendidikan Jasmani. Di samping itu, menghasilkan graduan yang dapat menyumbang secara profesional kepada institusi pendidikan, organisasi kerajaan serta swasta dari aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pengurusan dan pembangunan sukan

dalam bidang Sains Sukan, Sains Kejurulatihan dan Pendidikan Jasmani (Dokumen semakan kurikulum program pengajian berdasarkan format MQA, 2012).

Tidak dinafikan bahawa terdapat sebilangan kecil graduan mencapai tahap baik sahaja terutama pada kemahiran Bahasa bagi ketiga-tiga program ISMP dengan Kepujian. Kaedah penyampaian kursus program ISMP dengan Kepujian di FSSK kebanyakannya (70%) adalah dalam Bahasa Malaysia dan persepsi graduan yang dinilai menyatakan kemahiran penguasaan dalam Bahasa Inggeris bagi mereka adalah lemah. Tambahan, pelajar yang mengikuti program pengajian dibenarkan mengambil kursus *General English* dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C sebagai syarat bergraduasi sekiranya *Malaysian University English Test* (MUET) adalah pada tahap Band 1 dan 2.

Merujuk kepada maklum balas temu bual daripada graduan tentang pengalaman kurikulum semasa pengajian mereka di FSSK-UPSI, mengatakan bahawa kurikulum pengajian di FSSK-UPSI sesuai dengan bidang pengajian mereka. Sehubungan itu, seramai 89.5 peratus graduan yang ditemu bual mengatakan bahawa kemahiran ICT dari aspek penggunaan *Microsoft Word, Excel, Adobe, Autocad* membantu mereka dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Berkaitan dengan kemahiran berbahasa, kesemua yang ditemu bual mengakui bahawa ilmu yang mereka perolehi di UPSI membantu dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu dan berbahasa Inggeris. Malahan, kemahiran tersebut membantu meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran analitikal, menganalisis dan bekerja secara berkumpulan. Kemahiran-kemahiran tersebut membantu graduan menerapkan nilai-nilai dan pengalaman yang positif pada diri dan pelajar sekolah.

Sehubungan itu, hasil penilaian majikan dan rakan sekerja ke atas atribut dan kebolehpasaran graduan bagi ketiga-tiga program pengajian adalah pada tahap sangat baik. Kesemuanya berpendapat bahawa komunikasi dan interpersonal graduan FSSK adalah sangat baik dengan pihak atasan, rakan guru dan pelajar. Mereka juga mudah bergaul dengan rakan sekerja dan pelajar.

Ratna & Fazal (2008) mengetengahkan keperluan kemahiran asas yang berkaitan dengan bahasa, komunikasi, kerja secara berkumpulan dan sikap keperibadian yang amat diperlukan dalam menghadapi cabaran pasaran pekerjaan setelah tamat pengajian nanti. Manakala, Ambigapathy & Aniswal (2005) pula menekankan kepentingan daya kreativiti dan kemahiran berfikir dalam penyelesaian masalah kerja yang harus dilengkapi oleh seseorang graduan. Kajian yang dijalankan oleh Faridah et al. (2010) di seluruh negara menunjukkan ketujuh-tujuh kemahiran insaniah yang di kemukakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia adalah selari dengan apa yang dicadangkan oleh majikan yang ditemu bual. Kajian ini telah mengenal pasti pemikiran analitis dan kritikal sebagai salah satu kemahiran yang amat penting yang harus di pupuk dalam pemikiran pelajar universiti selain dari pemikiran strategik, semangat keperwiraan dan kecenderungan inovasi.

Faktor pengalaman semasa mereka berada di sekolah antara yang mempengaruhi atribut dan kebolehpasaran graduan. Ketua Pegawai Eksekutif Talent Corp Johan Mahmood Merican menyatakan kebolehpasaran siswazah penting dalam usaha Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020. Bagaimanapun, jika diteliti dan difahami keadaan dan keperluan semasa mahu tidak mahu sememangnya tujuan melahirkan mahasiswa ke arah memenuhi kriteria majikan bagi mendapatkan pekerjaan perlu dilakukan.

Penempatan bekerja di sekolah-sekolah yang terhad menyebabkan graduan yang terbaik dan paling berkualiti sahaja akan terpilih menjadi guru. Graduan perlu berusaha sehabis baik untuk menyediakan diri sebagai yang paling berkualiti semasa temuduga. Dalam ucapan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pada bulan September 2013 mengatakan bahawa profesion keguruan akan menjadi lebih berprestij dan elit apabila pengambilan dibuat hanya dalam kalangan graduan 30 peratus terbaik dalam negara dalam usaha mentransformasi profesion itu menjadi profesion pilihan.

Cadangan tersebut ada kaitan dengan isu dan cabaran terhadap kebolehpasaran graduan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), melalui *The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*. Antara ucapan YB. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dalam pelancaran *Graduate Employability Blueprint 2012-2017* dan Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE) Kementerian Pengajian Tinggi pada Disember 2012 mengatakan bahawa

“Universiti bukan hadir untuk membangunkan graduan-graduan untuk kepentingan industri dan ekonomi semata-mata. Ia mempunyai tanggungjawab lebih besar, iaitu membangunkan bangsa. Justeru itu, adalah satu hal yang kurang tepat sekiranya fungsi IPT hanya dianggap untuk melahirkan graduan mengikut kepentingan industri. Sebaliknya, kebolehpasaran graduan hanya salah satu aspirasi universiti tetapi bukan kepentingan strategik yang menjadi asas dan fungsi sebenar universiti”.

Yang Berhormat Menteri juga menegaskan bahawa kebolehpasaran graduan bukan hanya soal ketidak mampuan berbahasa Inggeris atau mempunyai kelemahan ketara dalam ‘soft skills’. Tahap intelektual yang rendah juga adalah penyebab utama graduan tidak boleh terkehadapan. Ini bermakna, masalah sebenar ketidakboleh pasaran graduan ialah apabila graduan memaparkan kelemahan intelektual yang ketara.

Pelajar di institut pengajian tinggi perlu dipupuk, digarap dan digalakkan untuk mengungkap, berhujah dan mempertahankan idea melalui aktiviti perbincangan, perdebatan dan penyelidikan. Pelajar perlu berfikiran kreatif, inovatif dan berfikir “luar kotak” dan hanya akan dapat dilakukan oleh mereka yang mempunyai dinamika keintelektualan.

Justeru itu Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris perlu menyediakan pelan perancangan dan bertindak menyusun strategi untuk melahirkan pelajar FSSK yang berkualiti, berdaya saing secara global serta memenuhi keperluan negara. FSSK perlu membina strategi memperkukuhkan atribut pelajar dengan Kemahiran Insaniah merentas kurikulum, kokurikulum dan aktiviti pelajar dalam program di fakulti dan universiti.

FSSK perlu pergiatkan aktiviti *Kinesiology Centre of Excellence (KinesCoE)* yang melibatkan pelajar dalam aktiviti penyelidikan, konsultasi dan perkhidmatan dengan organisasi luar atau industri dalam bidang yang berkaitan dengan sains sukan, kejurulatihan sukan, psikologi sukan, rehabilitasi sukan, pendidikan jasmani dan pendidikan kesihatan.

FSSK juga dalam usaha untuk memastikan pendidikan keusahawanan dipupuk dalam kalangan pelajar dan memastikan aktiviti tersebut disampaikan secara berstruktur. Begitu



juga FSSK perlu melibatkan pelajar dengan program pemindahan pengetahuan (Knowledge Transfer Program) bersama masyarakat atau komuniti hasil dari projek penyelidikan.

### **Kesimpulan**

Adalah disimpulkan bahawa ketiga-tiga program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan kebolehpasaran dalam bidang kerjaya. Penguasaan graduan dalam pengetahuan dan kemahiran kursus program pengajian yang mereka ikuti adalah pada tahap sangat baik bagi ketiga-tiga program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK). Begitu juga, didapati graduan mencapai tahap sangat baik dalam pelaksanaan program dari aspek pengetahuan dan kemahiran semasa dan selepas pengajian. Aspek atribut dan potensi kebolehpasaran graduan dinilai pada tahap sangat baik oleh majikan dan rakan sekerja.

Pada keseluruhannya keberkesanan pelaksanaan program tersebut mempunyai hubungan positif yang kuat dan signifikan di antara penguasaan kursus (input) dengan pelaksanaan program pengajian (proses) terhadap graduan di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan. Namun didapati hubungan di antara penguasaan kursus (input) dengan hasil graduan (produk) adalah positif sederhana tetapi tidak signifikan. Begitu juga hubungan di antara pelaksanaan program pengajian (proses) dengan hasil graduan adalah sederhana positif tetapi tidak signifikan kecuali bagi program ISMP (Sains Sukan) adalah positif sederhana dan signifikan.

Hanya 23% diramalkan bahawa faktor penguasaan kursus (input) dan proses pelaksanaan program mempengaruhi hasil graduan terhadap keberkesanan pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Sukan) dengan Kepujian. Bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian, keberkesanan pelaksanaan program diramalkan 20% dipengaruhi oleh faktor penguasaan kursus (input) dan proses pelaksanaan program terhadap hasil graduan. Manakala keberkesanan pelaksanaan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) dengan Kepujian diramalkan 98% dipengaruhi oleh faktor penguasaan kursus (input) dan proses pelaksanaan program terhadap hasil graduan.

FSSK telah membina pelan tindakan bagi penambahbaikan untuk kebolehpasaran graduan dengan menyusun strategi antaranya mengkaji semula penawaran program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian. Memperkukuhkan atribut pelajar dengan Kemahiran Insaniah, mempergiatkan aktiviti *Kinesiology Centre of Excellence* dan memupuk pendidikan keusahawanan untuk melahirkan graduan yang inovatif dan berkebolehan dalam bidang kerjaya.

### **Penghargaan**

Penyelidik merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) khususnya Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi diatas pemberian geran sebanyak Ringgit Malaysia, Sembilan ribu sembilan ratus enam puluh lima dan sembilan puluh sen sahaja (RM9965.90) bagi kod penyelidikan 2015-0006-107-01.

## Rujukan

- Ambigapathy, P. & Aniswal, A. G. (2005). University curriculum: An evaluation on preparing graduates for employment. *Institut Penyelidikan Tinggi Negara*, Universiti Sains Malaysia.
- Buku Panduan Akademik, Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan sesi 2010/2011. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa, & Mus Chairil Samani. (2010). *Hala tuju pengajian komunikasi dan media di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Kajian semula pelan strategic pengajian tinggi Negara: Pendidikan tinggi memimpin masa hadapan Malaysia. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia .(2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara: Peletakan Asas Melangkaui 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Ministry of Higher Education Malaysia. (2012). The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Primrose, K and Alexander, C. R. (2013). Curriculum development and implementation: Factors contributing towards curriculum development in Zimbabwe higher education system. *European Social Sciences Research Journal*, 1(1), 55-65.
- Ratna Roshida Abdul Razak, & Fazal Mohamed Sultan. (2008). Kurikulum universiti dan keperluan untuk memperoleh pekerjaan. *Institut Penyelidikan Tinggi Negara*, Universiti Sains Malaysia.
- Teks Ucapan Perdana Menteri Sempena *Majlis Perasmian Persidangan Perkembangan Baru dalam Pendidikan 2010-2012*, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, pada 28 Oktober 2009.
- Universiti Pendidikan Sultan Idris. (2012). *Pelan Strategik UPSI 2012 – 2015*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

✉ Julismah binti Jani  
Faculty of Sports Science and Coaching,  
Sultan Idris Education University,  
Tg Malim, Perak  
Contact Number: 012-3299974  
E-mail: [julismah@fsskj.upsi.edu.my](mailto:julismah@fsskj.upsi.edu.my)